

Headline	Kerjasama DBKL, FRIM urus hutan		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	20 Mar 2014	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	173,387
Page No	L-27	Readership	699,000
Language	Malay	ArticleSize	215 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,288
Frequency	Daily	PR Value	RM 12,864



Kerjasama DBKL, FRIM urus hutan

KUALA LUMPUR 19 Mac - Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) memeterai memorandum perjanjian (MOA) dengan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dalam pengurusan hutan bandar dan pengurusan taman bandar di ibu negara.

Datuk Bandar, Datuk Seri Ahmad Phesal Talib berkata, sebelum ini pihaknya telah menjalin kerjasama dengan FRIM dalam usaha meningkatkan keberkesanan pembangunan landskap dan MOA yang ditandatangani itu merupakan susulan daripada usaha tersebut.

Jelasnya, MOA yang menelan kos RM1.1 juta itu akan memfokuskan kepada projek-projek di bawah Skop Pengurusan Taman antaranya melantik tiga kakitangan bertaraf kontrak daripada pegawai penyelidik dan dua pembantu penyelidik bagi melaksanakan kerja-kerja herbarium seperti mengambil sampel pokok dan menyediakan pengkalan data herbarium.

"DBKL dengan kerjasama FRIM

juga akan menjalankan kajian biodiversiti yang merangkumi inventori spesies pokok, penilaian pokok sedia ada, penilaian status pemuliharaan pokok serta penyediaan spesimen herbarium bagi koleksi pokok di Taman Botani Perdana.

"Selain itu, kajian mengenai vegetasi, tanah dan hidrologi di Taman Bukit Rimba Bukit Kerinchi juga akan dilakukan bagi melihat keadaan tanah di kawasan berkenaan supaya dapat disesuaikan dengan pemilihan spesies serta cadangan pembangunan bagi memastikan program perhutanan berjaya," ujarnya selepas menandatangani MOA tersebut di sini, semalam.

Pada majlis tersebut, beliau mewakili DBKL manakala FRIM diwakili Ketua Pengarahnya, Datuk Dr. Abd. Latif Mohmod.

Dalam pada itu, Abd. Latif berkata, pihaknya akan membantu DBKL dalam menaik taraf pokok-pokok landskap agar ia ditanam di kawasan yang sesuai.



AHMAD Phesal Talib (kiri) dan Abdul Latif Mohmod menunjukkan dokumen perjanjian mengenai pengurusan hutan dan taman bandar di Kuala Lumpur semalam.